



INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA)

SENARAI TUGAS PENGURUS PENYELIDIKAN (OPERASI)

Terms of Reference for Research Manager (Operation)

NAMA PROJEK : Rakan Sama Akademik untuk Pusat Jaringan Global Pengajian Malaysia @ANU

NAMA KETUA PROJEK : Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul A.B. & Datuk Dr. Anis Y. Yusoff

TEMPOH PROJEK: Jun 2021 – Mei 2022

LATAR BELAKANG PROJEK:

Institut Kajian Etnik (KITA) telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Rakan Sama Akademik untuk Pusat Jaringan Global Pengajian Malaysia yang berpangkalan di Australian National University (ANU), Australia. Sebagai Rakan Sama Akademik, KITA dikehendaki untuk bertindak sebagai kolaborator yang berperanan sebagai Rakan Sama Akademik yang bertanggungjawab untuk menyelaras hubungan dengan Pusat Jaringan Global Pengajian Malaysia di *Australian National University, Australia*.

Pengurus Penyelidikan (Operasi) akan bertanggungjawab untuk membantu dalam pengurusan hal-ehwal yang berkaitan:

1. PENGOPERASIAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK

- Mengurus serta memantau implimentasi aktiviti projek penyelidikan mengikut jangkaan output yang telah ditetapkan dalam perancangan projek.
- Merancang dan menjalankan aktiviti dan program yang berkaitan dengan projek penyelidikan seperti mesyuarat, bengkel, kerja lapangan, seminar dan persidangan.
- Menganjurkan satu persidangan antarabangsa atas talian.
- Merancang dan menjalankan aktiviti advokasi awam yang melibatkan pihak berkepentingan, orang awam dan media.

2. PEMETAAN & PANGKALAN DATA

- Menyediakan pangkalan data Kajian Malaysia Sedunia.
- Memantau pengumpulan bahan bacaan dan menyediakan tinjauan kesusasteraan (literature review) yang berkaitan dengan subjek kajian.
- Merancang dan melaksanakan operasi pembangunan pusat sumber koleksi berkaitan ilmu Malaysia/Australia.

3. PENERBITAN & PELAPORAN

- Menyediakan laporan rasmi serta minit bagi setiap aktiviti projek yang dijalankan.
- Menganalisis data dapatan kajian dan membantu dalam penulisan hasil kajian, makalah dan laporan kemajuan projek.
- Menyediakan manuskrip yang lengkap bagi penerbitan buku atau kertas kajian.
- Menyediakan laporan berkala menerusi Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).

4. PEMANTAUAN KEWANGAN

- Memantau pengagihan dan penggunaan dana penyelidikan mengikut peraturan kewangan Jabatan Bendahari UKM.
- Menyediakan perancangan berkala bagi penggunaan dana penyelidikan bagi mengoptimumkan perbelanjaan dana secara keseluruhan.

5. WAKTU BEKERJA

- Mematuhi waktu masuk kerja yang ditetapkan oleh ketua projek.

6. LAIN-LAIN TUGAS

- Mengurus aset yang dibeli menggunakan geran penyelidikan.
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh ketua projek dan perunding dari semasa ke semasa.